

→ MASYARAKAT



[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]

Isa (duduk, enam dari kanan) dan Zainal (duduk, tujuh dari kanan) pada Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Empower Cakna Linus di SK Runchang, Pekan, semalam.

Empower ECER Mahkota ubah sikap pelajar Orang Asli

BERITA HARIAN (MASYARAKAT) 10 FEB 2017 M/S 18

➔ Bantu tingkat pencapaian peperiksaan, kuasai kemahiran asas 3M

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

■ Pekan

Program Empower ECER Mahkota berjaya mentransformasikan minda pelajar Orang Asli dan mengubah sikap mereka untuk lebih fokus terhadap pelajaran bagi meraih kejayaan cemerlang.

Ahli Dewan Negara, Senator Isa Ab Hamid, berkata Latihan Akademik Empower ECER itu dapat meningkatkan pencapaian murid Orang Asli dalam peperiksaan selain menguasai kemahiran asas menulis, membaca dan mengira (3M).

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP Advanced Education (UAE) yang bertungkus lumus bagi memastikannya berjaya mencapai sasaran."

"Menerusi peningkatan taraf pendidikan, masyarakat Orang Asli mampu memperbaiki taraf hidup dan menikmati peluang tersedia hasil kemajuan pesat dikecapi masa kini," katanya berucap meras-

mikan Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Empower Cakna Linus di Sekolah Kebangsaan (SK) Runchang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar UAE, Zainal Bahari dan Pengurus Pejabat ECERDC Pahang, Muzarir Karnain Mahmood Kamsani.

Seramai 39 peserta Empower ECER Latihan Akademik terdiri daripada pelajar tahun enam SK Runchang menyertai Program Empower Cakna Linus yang bertujuan meningkatkan pencapaian pelajar Orang Asli menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Tarik minat untuk belajar

Sementara itu, seorang pelajar, Norsyahniezam Nazri, 12, berkata latihan akademik dilaksanakan menerusi Empower ECER itu banyak membantunya meningkatkan kemahiran dalam bidang akademik dan menarik minatnya untuk belajar.

"Saya yakin mampu mencapai kejayaan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) nanti untuk menjadi permpuan dalam usaha mengubah kehidupan keluarga," kata anak kedua daripada tiga beradik itu.

Sementara itu, rakannya, Siti Faizrina Roman, 12, berkata dia kini lebih yakin serta bersemangat dalam bidang akademik selepas menyertai program itu dan berharap mampu mencapai keputusan cemerlang pada UPSR.

"Saya ingin mengubah nasib keluarga supaya lebih baik, saya percaya anak-anak Orang Asli juga mampu berubah dan berjaya dalam kehidupan," katanya.

Info

Program Empower ECER Mahkota

→ Lebih 7,438 peserta menyertai latihan akademik Empower ECER Mahkota dari 2012 hingga kini

→ Program berkenaan menyasarkan pelajar berprestasi lemah dan sederhana daripada keluarga berpendapatan rendah